



## MAJLIS AKREDITASI UKUR BAHAN (QSAC)

LEMBAGA JURUUKUR BAHAN MALAYSIA

### MAKLUMAN KHAS QSAC #1-2020:

Pencegahan Jangkitan Wabak COVID-19

dan kesan terhadap program Ukur Bahan di Pemberi Pendidikan Tinggi Malaysia

#### 1.0 TUJUAN

Makluman Khas dari Majlis Akreditasi Ukur Bahan (QSAC) ini bertujuan memberikan panduan bagi membantu pihak Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) yang mengendalikan program Ukur Bahan (PPT-UB) berkaitan pengekalan kualiti program pengajian ukur bahan semasa usaha menyekat penularan wabak COVID-19 dalam kalangan mereka yang terlibat dengan pelaksanaan program ini.

#### 2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 QSAC menasihatkan agar PPT-UB mengambil serius dengan arahan Kerajaan dan mematuhi arahan dan nasihat yang dikeluarkan oleh Kerajaan Malaysia dari semasa ke semasa supaya kesihatan setiap staf akademik dan para pelajar dapat dijaga rapi pada tahap yang terbaik. Dalam konteks ini, keselamatan dan kesihatan staf akademik, para pelajar dan semua yang terlibat harus menjadi keutamaan bagi semua pihak.
- 2.2 QSAC turut mengikuti perkembangan serta arahan yang dikeluarkan oleh pihak universiti berhubung aktiviti di dalam kampus khususnya yang membabitkan pengajaran dan pembelajaran (P&P) langsung. Lembaga Juruukur Bahan Malaysia (LJBM) difahamkan kebanyakan pertemuan dalam kuliah, makmal dan studio dibatalkan dan digantikan dengan pertemuan dan pembelajaran atas talian menerusi apa juga platform, konferensi video menerusi media sosial dan seumpamanya termasuklah menerusi kaedah *blended learning* dan *immersive learning* tertakluk kepada keadaaan dan keperluan sesuatu sesi P&P yang berkenaan.

#### 3.0 KETERSEDIAAN PRASARANA DAN KEMUDAHAN ICT

- 3.1 Ketersediaan prasarana teknologi komunikasi dan maklumat (ICT) tidak sama tahapnya antara PPT-UB. Mungkin ada PPT-UB yang lebih bersedia untuk mengendalikan pembelajaran secara maya. Namun mengadakan pembelajaran maya secara komprehensif dan untuk tempoh yang berpanjangan membabitkan semua pelajar dan staf akademik bagi sesebuah kelas atau studio yang berkenaan tidak mungkin mampu dicapai oleh mana-mana PPT-UB pada masa ini.
- 3.2 Justeru, menggantikan kelas atau studio ukur bahan dalam bentuk atas talian atau maya perlu dilihat sebagai satu tindakan yang berbentuk sementara. Umumnya diketahui kelas atau studio maya tidak mampu menggantikan kelas atau studio yang dikendalikan secara bersepada, sepakat, dan muafakat. Persekitaran pembelajaran yang dinamik tidak mungkin dapat disimulasikan menerusi maya atau apa juga medium atas talian.

#### **4.0 STRATEGI PENGEKALAN KUALITI PENGHASILAN KERJA**

Sehubungan dengan sub perkara 3.1 dan 3.2 di atas, QSAC berharap agar PPT-UB dapat merangka strategi dalam merancang P&P iaitu dengan memberi keutamaan penggunaan kaedah atas talian kepada aktiviti P&P yang membabitkan pertemuan satu-sama-satu antara pensyarah dan pelajar, lintas langsung syarahan oleh pensyarah, dan seumpamanya. Seterusnya, strategi yang dimaksudkan ini turut mengatur semula keperluan pertemuan secara berkumpulan seperti sesi pembentangan hasil kerja setiap pelajar (membabitkan kehadiran semua pelajar dan staf akademik) dengan cara melewatkannya penjadualannya ke penghujung semester bila mana penularan COVID-19 dijangkakan menjadi semakin reda.

#### **5.0 KAWALAN KE ATAS KEMUNGKINAN SUSUTAN KUALITI PEMBELAJARAN**

- 5.1 Walau apapun langkah yang diambil bagi menyesuaikan aktiviti P&P dalam konteks dan keadaan persekitaran yang terkekang, walaupun dengan niat untuk berbuat sebaik mungkin, QSAC menjangkakan akan tetap berlaku kesutan kualiti pencapaian hasil kerja pelajar lantaran ketirisan masa P&P, kemerosotan intensiti penyeliaan dan berkurangnya jam pertemuan dan pembelajaran bersemuka serta berkumpulan.
- 5.2 Sekiranya susutan kualiti seperti yang dinyatakan dalam subperkara 5.1 benar-benar berlaku, pihak PPT-UB disarankan supaya mengambil tindakan pemulihan susulan bertujuan untuk memastikan hasil kerja individu pelajar kembali memenuhi sekurang-kurangnya tahap kualiti minimum dan kualiti program secara keseluruhannya tidak terjejas. Tindakan pemulihan ini perlu dilakukan secara bijaksana dan penuh tanggungjawab dengan mengambil kira beban pembelajaran semasa para pelajar. Adalah penting sekali tindakan pemulihan sepenuhnya berjaya diselesaikan dalam tempoh yang sesuai berdasarkan perancangan setiap PPT sehingga bersedia dengan yakin untuk menempuh proses dan prosedur akreditasi khususnya ketika Lawatan Akreditasi oleh LJBM dilaksanakan.

#### **6.0 PENGUATKUASAAN PELAKSANAAN**

Makluman Khas ini adalah terpakai ke atas semua PPT-UB yang telah diluluskan atau/dan diakreditasi oleh LJBM untuk semester yang sedang berlangsung sahaja iaitu bermula serta merta sehingga ke suatu masa di mana keadaan penularan wabak COVID-19 menjadi reda dan terkawal sepenuhnya.

*Roziyah Ismail*

Sr Roziyah binti Ismail, CQS  
Pengerusi  
Majlis Akreditasi Ukur Bahan (QSAC)  
Lembaga Juruukur Bahan Malaysia

Tarikh: 27 Mac 2020